

14 JUN 1996

Sanusi - temubual (bergambar)

SANUSI BUKAN PENDENDAM, HANYA MAHU KERJA KERAS

Oleh: Sobrey Jaafar

ALOR SETAR, 14 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Sanusi Junid yang dijadual mengangkat sumpah sebagai Menteri Kedah yang baru Ahad ini, berkata beliau bukan seorang pendendam dan tidak akan mengambil tindakan melulu terhadap orang yang mempunyai pegangan politik yang berlainan daripadanya.

Kata beliau, apa yang penting baginya ialah seseorang itu bekerja keras untuk melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

"Dalam ingatan saya, saya belum pernah mengambil tindakan ke atas sesiapaupun yang politiknya tidak sehalal dengan saya," katanya dalam temubual khas Bernama dengannya sempena pelantikannya sebagai Menteri Besar Kedah yang kelima.

Sanusi berkata demikian sebagai menyangkal cakap-cakap bahawa beliau mungkin bertindak terhadap kalangan yang pada awalnya menentang pelantikan beliau.

"Tetapi saya akui ramai juga kakitangan awam dan beberapa tokoh perniagaan yang saya kenakan tindakan tegas kerana tindak tanduk mereka yang tidak bertanggungjawab," kata bekas Menteri Pertanian dan Menteri Pembangunan Luar Bandar itu.

"Sebagai contoh, semasa saya menjadi Menteri Pembangunan Luar Bandar, seorang pengerusi agensi di bawah kementerian berkenaan dan juga pengarah beberapa buah anak syarikat agensi itu, dipendekkan tempoh perkhidmatannya. Ini kerana agensi dan anak-anak syarikat itu mengalami kerugian manakala pengerusinya menikmati elaun yang begitu lumayan.

"Begitu juga dengan beberapa orang pegawai kanan Mara ketika itu yang enggan berikan kepada saya akaun syarikat yang saya minta untuk diteliti. Kata mereka, mereka hanya bertanggungjawab kepada pengerusi Mara dan saya (sebagai menteri) tidak berhak melihat akaun yang diminta itu.

"Semasa saya menjadi Menteri Pertanian pula, seorang pegawai kanan yang dipertanggungjawab mengurus masyarakat tani dipindahkan kerana pegawai itu tidak sesuai, mungkin kerana +lebih layak+ untuk memegang jawatan yang lebih tinggi," kata beliau.

Sanusi, 52, yang telah berkecimpung dalam politik lebih 30 tahun, berkata beliau adalah seorang yang amat patuh kepada pemimpin.

"Saya tidak pernah engkar dengan arahan pemimpin dan sepanjang penglibatan saya dalam politik, hanya tiga kali saya menentang status quo," kata Anggota Dewan Undangan negeri Kedah kawasan Kuah itu.

"Pertama kali saya menentang status quo ialah ketika terlibat dalam demonstrasi di London menentang Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman apabila Tunku memecat Dr Mahathir Mohamad daripada Umno.

"Kedua, ketika menentang Ketua Pemuda Umno (Datuk) Haji Suhaimi Kamaruddin dan menyokong (Datuk Seri) Anwar Ibrahim untuk merebut jawatan itu dan ketiga, apabila menyokong Encik (Tun) Ghafar Baba yang menentang Datuk (Tan Sri) Musa Hitam untuk jawatan Timbalan Presiden Umno pada 1987."

Sanusi berkata kesetiaannya kepada Dr Mahathir tidak pernah luntur walaupun lebih setahun "bercuti" tanpa memegang sebarang jawatan kerajaan setelah melepaskan jawatan menteri pusat dan dihantar untuk bertanding kerusi negeri pada pilihan raya umum tahun lepas.

Berikut ialah sedutan wawancara Bernama dengan Sanusi:

Soalan: Tahniah di atas perlantikan Datuk Seri. Datuk Seri dikenali sebagai seorang yang mempunyai banyak idea, terutama untuk meningkatkan

taraf ekonomi penduduk desa. Apakah rancangan Datuk Seri bagi negeri Kedah yang masih lagi ditakrifkan sebagai "largely rural" atau luar bandar?

Jawapan: Terima Kasih. Membasmi kemiskinan mempunyai pengertian yang luas. Yang biasa diperbahaskan ialah kemiskinan duit. Jika kemiskinan duit yang hendak dihapuskan maka usaha perlu dibuat supaya penduduk luar bandar, dan juga setinggian di dalam bandar, dapat memasarkan barang yang diusahanya atau perkhidmatan yang dapat diberinya. Latihan perlu diberi supaya masyarakat luar bandar dapat mengeluarkan barang yang ada harga di pasaran atau perkhidmatan yang boleh dijual dengan mendapat upah. Semuanya perlu halal.

S: Apakah keutamaan Datuk Seri bagi pembangunan negeri Kedah?

J: Oleh kerana masa amat suntuk, semua perkara menjadi keutamaan.

S: Kerajaan berbelanja berjuta-juta ringgit setahun sebagai subsidi padi tetapi nasib para petani masih lagi tidak banyak berubah. Sebagai bekas Menteri Pertanian sudah tentu Datuk Seri mempunyai rancangan khas untuk mengubah nasib golongan ini...

J: Keluaran padi memanglah kerja orang miskin di mana jua. Kecuali jika sawahnya luas atau ditukarkan dengan tanaman kelapa sawit, maka pendapatannya akan bertambah. Oleh kerana negara juga memerlukan bekalan beras untuk keselamatan maka subsidi yang diberi hendaklah dianggap sebagai insentif untuk pesawah kekal menanam padi. Sekarang ini keadaan ekonomi negara telah berubah oleh itu, untuk meningkat pendapatan masyarakat luar bandar terutama pesawah, tuan tanah padi, di samping tanah kebun getah, boleh dijadikan tapak industri. Satu ekar tanah yang ada industri dapat memberi pekerjaan yang lebih kepada penduduk, lebih banyak daripada satu ekar sawah.

S: Apakah perasaan Datuk Seri terhadap pelantikan ini selepas setahun lebih melepaskan jawatan Kabinet dan kembali ke Kedah tanpa memegang sebarang jawatan kerajaan?

J: Saya menganggap jawatan saya sebagai satu amanah. Saya bersyukur kepada Allah SWT dan berterima kasih kepada YAB Perdana Menteri. Tidak ada perasaan lain.

S: Given the various obstacles that you have faced in the previous year, did you have any doubt that you will ever become MB?

(BM: Memandangkan pelbagai rintangan yang Datuk Seri hadapi sejak setahun ini, tidakkah timbul keraguan bahawa Datuk Seri akhirnya akan menjadi MB?)

J: I did not ask to become an MB. I merely accepted when offered. During my one-year leave, I travelled extensively and read very widely. I gained a lot in this way. A lot of things surfaced during that one-year period. Without the one-year gap, the hidden things would not have surfaced and would have damaged the party. This is the best way.

(BM: Saya tidak meminta untuk menjadi MB. Saya menerima apabila ditawarkan. Semasa tempoh setahun saya "bercuti" saya banyak menjelajah dan membaca. Saya memperoleh banyak manfaat dengan cara ini. Banyak perkara timbul semasa tempoh setahun itu. Tanpa jurang setahun itu, perkara-perkara yang tersembunyi tidak akan timbul ke permukaan dan akan merosakkan parti.

Cara ini terbaik.)

S: Was your loyalty to Prime Minister Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ever shakened during your one-year wait?

(BM: Tidakkah kesetiaan Datuk Seri kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tergoyang semasa tempoh penantian setahun?)

J: I do not change my mind very easily, just as I take time to form an opinion. Once my opinion on a person is formed, I need new information and knowledge on the person for me to change my opinion on the person. I know the Prime Minister for a long time and I believe in him and his intentions. There was and there is no reason to be disloyal to him.

(Sanusi then quoted Albert Hubbard on Loyalty:

If you work for a man, in heaven's name work for him;  
speak well of him and stand by the institution he represents  
remember, an ounce of loyalty is worth a pound of cleverness  
if you must growl, condemn and eternally find fault,  
why, resign your position and when you are on the outside,  
damn to your heart's content  
but as long as you are a part of the institution  
do not condemn it  
if you do, the first high wind that comes along  
will blow you away  
and probably you will never know why.)

(BM: Saya tidak mengubah fikiran sewenang-wenangnyanya. Begitu juga saya mengambil masa untuk membuat sesuatu kesimpulan. Apabila saya membuat sesuatu kesimpulan mengenai seseorang, saya perlukan maklumat dan pengetahuan baru mengenai orang itu bagi saya menukar fikiran mengenainya.

Saya mengenali Perdana Menteri sejak sekian lama dan saya percaya kepadanya dan kepada tujuannya. Tidak ada sebab, baik sekarang mahupun sebelum ini, untuk tidak taat kepadanya.

(Sanusi kemudian memetik Albert Hubbard mengenai kesetiaan:

If you work for a man, in heaven's name work for him;  
speak well of him and stand by the institution he represents  
remember, an ounce of loyalty is worth a pound of cleverness  
if you must growl, condemn and eternally find fault,  
why, resign your position and when you are on the outside,  
damn to your heart's content  
but as long as you are a part of the institution  
do not condemn it  
if you do, the first high wind that comes along  
will blow you away  
and probably you will never know why.)

(alih bahasa:

Jika anda bekerja untuk seseorang, maka dengan nama Tuhan kerjalah untuknya

bercakaplah baik mengenainya dan pertahankanlah institusi yang dia wakili

ingatlah, secupak kesetiaan nilainya sama dengan segantang kepintaran  
jika anda perlu mencerca, mengecam and sentiasa mencari kesalahan orang  
eloklah letakkan jawatan dan apabila berada di luar  
cacilah sepuas hati  
tetapi selagi anda menjadi anggota institusi

janganlah mencaci institusi itu kerana, jika anda berbuat demikian datangnya tiupan angin kencang yang pertama akan menghilangkan anda daripada permukaan dan anda mungkin tidak akan mengetahui kenapa.

S: Apakah tindakan Datuk Seri untuk menyatukan Umno Kedah berikutan ada tentangan terhadap Datuk Seri di kalangan ADUN Umno sebelum ini?

J: Saya tidak ada masalah dengan rakyat Kedah. ADUN-ADUN Kedah pula telah menyatakan beberapa kali sokongan mereka kepada YAB Presiden Umno. Saya dilantik oleh presiden, oleh itu tidak ada masalah penyatuan. Sebelum saya jadi Menteri Pertanian dulu pun Ketua-ketua jabatan dan agensi kementerian telah salah anggap mengenai saya. Mereka dapat maklumat salah. Bila mereka tahu cara saya bekerja mereka memberi kerjasama sepenuhnya dan mereka sedar propaganda menentang saya adalah fitnah semata-mata.

S: Nama Datuk Seri tidak kelihatan dalam senarai pendaftaran calon bagi pemilihan Umno Oktober ini, baik jawatan Majlis Tertinggi mahupun jawatan-jawatan lain. Bolehkah Datuk Seri jelaskan?

J: Saya pernah jadi ahli MT yang dilantik, pernah jadi ahli MT yang dipilih, saya juga pernah jadi Pengerusi Jawatankuasa Penerangan Umno Malaysia, Setiausaha Agung Umno Malaysia dan Naib Presiden Umno. Saya dapati perasaan saya sama sahaja pada setiap jawatan yang saya pegang. Tidak bertanding tidak jadi perkara besar bagi saya.

S: Dalam masalah belia, Kedah juga mengalami masalah serius, terutama di kawasan-kawasan perindustrian seperti Kulim, Sungai Petani dan Mergong. Ramai golongan penuntut sekolah menengah tidak berminat meneruskan pelajaran kerana pekerjaan di kilang-kilang menunggu mereka. Nampaknya cita-cita mereka sekadar bekerja di kilang dan membeli motosikal ...

J: Saya akan mengkaji perkara ini.

S: Di Kedah masih terdapat sekolah-sekolah pondok yang benar-benar pondok -- berbumbung atap dan berdingin buluh. Sering kali berlaku kebakaran yang menyebabkan ratusan penuntutnya hilang tempat tinggal dan sekolah. Mengapakan kita, selepas 39 tahun Merdeka, masih lagi mempunyai sekolah seperti ini? Apakah tidak boleh kita dirikan sekolah-sekolah sistem pondok yang serba lengkap dengan bangunan konkrit?

S: Saya akan meninjau keadaan di pondok secara serius. Saya akan bantu mereka. Saya berharap mereka akan bekerjasama. Saya kenal semua tok-tok guru dan tuan-tuan punya pondok di Kedah dan saya akan bincang dengan mereka dan juga dengan Kementerian Pendidikan. Kita akan bekal dan tingkatkan kemudahan dan peralatan yang diperlukan. Apa yang penting pihak pondok hendaklah bekerjasama.

-- Bernama